

CNS 1419

U GB 09-11 00171 BB494

aab

Mahathir - UMNO

KELAB UMNO LUAR NEGERI DIMINTA TINGKATKAN USAHA

KUALA LUMPUR; 9 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua Kelab UMNO luar negeri meningkatkan usaha membantu kerajaan mematahkan kempen-kempen antarabangsa terhadap Malaysia, yang bertujuan membantutkan ekonomi negara ini.

Perdana Menteri melahirkan hasrat itu dalam perjumpaan tertutup lebih satu jam dengan 17 wakil Kelab UMNO dari 14 negara di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Jurucakap delegasi itu, Wan Aminuddin Wan Daud memberitahu pemberita kemudian bahawa Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, memberi jaminan bahawa kerajaan akan menyediakan bahan-bahan yang diperlukan bagi mematahkan kempen anti-Malaysia itu berhubung isu alam sekitar, hutan tropika dan minyak kelapa sawit.

Mereka yang menghadiri perjumpaan itu adalah dari Kelab UMNO United Kingdom dan Eire, New Zealand, Amerika Syarikat, Jepun, Pakistan, Indonesia, Australia dan Mesir.

Wan Aminuddin berkata anggota rombongan itu memberi pengakuan kepada Dr Mahathir akan membantu kerajaan untuk mematahkan kempen, yang beliau sifatkan 'hebat'. -- Lagi

▼09/11/20-06MST

CNS1424

U GB 09-11 00107 BB495

aab

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

'Kami akan berusaha' bagi memberi gambaran yang sebenarnya mengenai Malaysia bagi memerangi kempen ini,' kata beliau.

Menurutnya, Dr Mahathir turut menyarankan kelab-kelab UMNO luar negeri memainkan peranan lebih aktif bagi memerangi dakwah parti pembangkang di luar negara:

Kata Wan Aminuddin, selain daripada cuba mempengaruhi pelajar Malaysia di luar negara, dakwah oleh parti-parti pembangkang itu juga bertujuan mempengaruhi masyarakat luar.

Sebagai generasi remaja yang akan meneruskan perjuangan UMNO, mereka dinasihatkan oleh Perdana Menteri supaya meningkatkan usaha bagi mencapai matlamat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. -- Bernama

▼09/11/20-08MST